

# Janqan hal anda kebaikan:

15 MAR 1985

# PM

**PADANG BESAR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat yang sentiasa menentang kerajaan supaya menerima hakikat bahawa kerajaan telah melaksanakan pelbagai rancangan untuk kebaikan mereka.**

Katanya, mereka tidak sepatutnya terus menjadi penghalang usaha-usaha kerajaan untuk menolong rakyat meningkatkan taraf hidup mereka.

"Saya berdo'a supaya terbuka hati orang yang menentang kerajaan untuk menerima hakikat bahawa kerajaan melaksanakan pelbagai rancangan untuk kebaikan rakyat," tegas Perdana Menteri dalam satu perjumpaan dengan penduduk-penduduk di Rancangan Kemajuan Tanah Titi Tinggi, 5 kilometer dari sini sempena lawatan beliau sehari ke Perlis hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan membuat kebaikan sepanjang masa untuk dinikmati oleh rakyat terutama mereka di kawasan luar bandar, yang kebanyakannya petani.

Datuk Seri Dr Mahathir dukacita kerana ada segolongan rakyat tergamak membuat tuduhan yang tidak berasas mengenai usaha-usaha kerajaan itu.

Katanya, setiap kali kerajaan berusaha menolong rakyat, golongan itu akan berusaha menghalangnya dengan pelbagai hujah palsu.

"Kalau ada keburukan sila kemukakan kepada kerajaan supaya dapat diperbaiki dan jangan kata yang baik itu buruk," tegasnya.

**Oleh NAZAR ABDUL**

Menurutnya, golongan itu lebih suka kalau rakyat hidup dalam kemiskinan kerana rakyat yang miskin mudah dipengaruhi dengan pendapat-pendapat buruk mereka.

Bagaimanapun Datuk Seri Dr Mahathir berharap rakyat tidak akan tertipu dengan dakyah-dakyah mereka, sebaliknya menerima rancangan-rancangan kerajaan dengan hati yang terbuka.

Beliau menyeru rakyat supaya bekerja kuat untuk menjadi satu bangsa yang bolch 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan lain-lain bangsa di dunia.

Perdana Menteri juga mengesyorkan rakyat, khususnya mereka di kawasan luar bandar, supaya mengubah corak hidup untuk menikmati kemajuan dan kemewahan hidup yang lebih besar.

Katanya, rakyat juga perlu berusaha memperbaiki hidup mereka kerana kerajaan hanya dapat menyediakan kemudahan dan memberi pertolongan.

## Bertambah

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, kejayaan rakyat bergantung kepada usaha mereka sendiri untuk menentukan mereka memperolehi hasil yang bertambah.

Menurut Perdana Menteri cara-cara baru perlu diamalkan bagi menambah pendapatan golongan petani supaya mereka dapat meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Beliau menjelaskan kerajaan sedang giat melaksanakan pendekatan baru untuk membangun masyarakat luar bandar dengan memperkenalkan projek-projek seperti ladang berkelompok, kampung-kampung tersusun dan industri-industri kecil.

Katanya, kerajaan sentiasa memikirkan mengenai kebaikan rakyat serta mengutamakan kepentingan mereka dalam usaha-usaha membangunkan negara.

Sebelum itu Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Siti Hasmah, diberi sambutan meriah setiba mereka di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, Alor Setar.

Menteri Besar Datuk Ali Haji Ahmad, mengetuai rombongan pemimpin Perlis menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isteri.